

ANALISIS KONTRAK AL-QARD DALAM PRODUK DEPOSIT PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

Khairul Azhar Meerangani^{1*}

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000 Alor Gajah,
Melaka, Malaysia

azharmeerangani@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
31/07/2023
Received in revised form:
29/08/2023
Accepted:
31/08/2023
Available online:
01/09/2023

Keywords:
Deposit;
al-Wadi'ah;
al-Qard;
Hibah;
Gharar

DOI:
[10.24191/JIPSF/v5n22023_24-37](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_24-37)

Abstrak

Produk deposit berteraskan kontrak al-Wadi'ah merupakan salah satu produk utama yang sering ditawarkan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia. Kontrak al-Wadi'ah meletakkan pihak bank hanya berperanan sebagai penjaga amanah (Yad Amanah) serta tidak boleh menjana manfaat daripada simpanan tersebut. Bagi kontrak Wadi'ah Yad Damanah pula, aplikasinya lebih menepati kontrak al-Qard yang menegah sebarang terbitan manfaat seperti hibah. Oleh itu, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan resolusi perubahan kontrak syariah dalam produk deposit tersebut. Kajian ini bertujuan mengenalpasti aspek pengoperasian dan kepatuhan produk tersebut berdasarkan prinsip Syariah. Kajian dijalankan secara kualitatif menerusi penelitian terhadap data kepustakaan berkaitan teori dan prinsip al-Qard al-Hasan. Kaedah analisis dokumen turut dilakukan bagi menilai pengoperasian produk ini oleh institusi perbankan Islam. Dapatan terhadap tiga elemen utama, iaitu isu hibah, caj pengurusan dan unsur gharar merumuskan produk deposit yang ditawarkan telah mempunyai kawalan risiko Syariah selari dengan dengan ketetapan polisi Bank Negara Malaysia.

ANALYSIS OF AL-QARD CONTRACT IN ISLAMIC BANKING DEPOSIT PRODUCTS IN MALAYSIA

Abstract

Al-Wadi'ah contract-based deposit products are one of the main products often offered by Islamic banking institutions in Malaysia. The al-Wadi'ah contract places the bank only as a custodian of the trust (Yad Amanah) and cannot generate benefits from the savings. As for the Wadi'ah Yad Damanah contract, the application is more in line with the al-Qard contract which prevents any issuance of benefits such as grants. Therefore, Bank Negara Malaysia's Shariah Advisory Council has issued a resolution to change the Shariah contract in the deposit product. This study aims to identify aspects of the operation and compliance of the product based on Shariah principles. The study was conducted qualitatively through research on literature data related to the theory and principles of al-Qard al-Hasan. Document analysis methods were also carried out to evaluate the operation of this product by Islamic banking institutions. Findings on the three main elements, namely grant issues, management charges and gharar elements formulating the deposit products offered have Shariah risk controls in line with Bank Negara Malaysia's policy stipulations.

Keywords: Deposit, al-Qard, al-Wadi'ah, Hibah, Gharar

PENDAHULUAN

Sistem Perbankan Islam (SPI) di Malaysia telah berkembang menjadi suatu industri yang dinamik dan berdaya saing. Pelbagai institusi perbankan dan kewangan Islam giat menjalankan operasi kewangan sebagai alternatif kepada masyarakat dalam memilih urusan niaga yang memenuhi keperluan syarak. Pengaplikasian prinsip Syariah dalam penawaran sesuatu produk menjadi asas utama bagi menjamin kualiti dan kepatuhan sesebuah institusi terhadap hukum Islam. Penguatkuasaan peraturan dan prosedur ini dilaksanakan secara sistematik menerusi pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang merangkumkan garis panduan dan prosedur pengoperasian institusi perbankan dan kewangan Islam di Malaysia selaras dengan lunas perundangan dan hukum syarak. Hasilnya, amalan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia sering dijadikan model rujukan oleh institusi-institusi luar negara (Saidatolakma, Zuraidah & Rahimah, 2017). Meskipun begitu, masih wujud persepsi dalam kalangan sebahagian masyarakat bahawa pengoperasian perbankan dan kewangan Islam ini hanyalah penjenamaan baharu bagi transaksi riba, sama seperti perbankan dan kewangan konvensional (Omar & Nedal, 2015). Dalam erti kata lain, dari sudut amalan dan modus operandinya masih berteraskan aktiviti yang menyalahi syarak seperti riba dan *gharar*.

Persepsi ini sebenarnya perlu diubah memandangkan matlamat utama perbankan dan kewangan Islam ialah perkongsian untung rugi serta menghindari kontrak yang menyalahi syarak seperti riba. Ia bertujuan menyediakan alternatif yang patuh Syariah di samping mewujudkan kehidupan sosial yang lebih baik bagi masyarakat awam, terutamanya yang beragama Islam. Namun begitu, sebagai sebuah institusi yang berteraskan perniagaan, pelbagai produk yang bernilai komersial dan berdaya saing perlu ditawarkan bagi menjamin kelestarian institusi. Produk seperti akaun deposit, pembiayaan kewangan, pelaburan dan sebagainya ditawarkan kepada para pelanggan bagi manfaat bersama. Kontrak Syariah yang bersesuaian perlu diaplikasikan bagi memastikan produk tersebut memenuhi keperluan syarak. Penubuhan badan pemantau seperti Majlis Penasihat Syariah yang dianggotai oleh barisan pakar pelbagai bidang menjamin keberkesanan dan kepatuhan operasi institusi kewangan dan perbankan Islam berpandukan lunas-lunas syarak. Justeru, setiap produk yang ditawarkan bebas daripada unsur terlarang mahupun syubhah sekaligus memberikan alternatif terbaik kepada umat Islam untuk terlibat dalam transaksi yang halal dan suci.

Produk deposit menjadi antara produk utama yang sering menjadi pilihan para pelanggan perbankan Islam. Kontrak Syariah yang sering diaplikasikan bagi produk ini adalah *al-Wadi'ah*. Bagi kontrak *al-Wadi'ah*, institusi perbankan hanya berperanan sebagai penjaga Amanah (*Yad Amanah*) terhadap segala dana pendeposit, serta tidak diharuskan menjana sebarang manfaat mahupun keuntungan daripada dana tersebut. Namun, amalan yang sering dipraktikkan oleh institusi perbankan adalah dengan menggunakan dana tersebut (dengan izin dan makluman pendeposit) bagi tujuan pelaburan, dan sebagai imbalannya saguhati berupa hibah akan diberikan tanpa sebarang penetapan kadar yang spesifik. Amalan ini masih berteraskan kepada kontrak Syariah yang sama, iaitu *al-Wadi'ah* namun dalam format teknikal yang berbeza, iaitu daripada *Yad Amanah* kepada *Yad Damanah*. Meskipun begitu, para fuqaha berpandangan bahawa kontrak *al-Wadi'ah* *Yad Damanah* ini sebenarnya lebih menepati kontrak *al-Qard*, iaitu pinjaman sifar pulangan. Dalam kontrak ini, peminjam hanya perlu membayar semula amaun prinsipal tanpa sebarang obligasi untuk tambahan jumlah. Namun, peminjam boleh memberi saguhati tambahan mengikut budi bicaranya sebagai tanpa penghargaan, selagi mana ia tidak disyaratkan secara khusus dan lazim dalam kontrak yang dimeterai (Zamir & Bushra, 2015).

Al-Qard sebagai suatu kontrak yang tidak memiliki nilai komersial menjadikan ia kurang popular untuk ditawarkan sebagai salah satu produk utama oleh mana-mana institusi perbankan Islam. Al-Rajhi Bank dan HSBC Amanah pernah menawarkan kontrak ini dalam produk kad caj mereka, namun ia terpaksa dihentikan disebabkan kurang berdaya saing selain gelagat segelintir pelanggan yang menyalahgunakan produk ini bagi kepentingan sendiri (Khairul, 2011). Selain itu, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad turut pernah menawarkan Skim Pembiayaan Mikro-I (Musk), iaitu produk

pinjaman tanpa faedah berteraskan kontrak *al-Qard*. Produk-produk ini kini telah beralih kepada kontrak Syariah yang lebih berdaya saing dan bernilai komersial, seperti Komoditi *Murabahah* serta *al-Tawarruq*. Namun begitu, pengeluaran Fasal 22 dalam dokumen polisi Qard oleh Bank Negara Malaysia (BNM), yang mengarahkan pengelasan semula semua Akaun Simpanan dan Semasa (CASA) daripada berasaskan *al-Wadi'ah* kepada *al-Qard* menjadikan kontrak ini kembali mendapat tempat dalam produk perbankan Islam. Polisi *al-Qard* menggariskan keperluan Syariah dan operasi Qard untuk menggalakkan penggunaan kontrak Syariah ini dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam dengan lebih baik. Dokumen polisi ini juga memperincikan keperluan peralihan yang diterima pakai bagi produk *al-Wadi'ah Yad Damanah* sedia ada, yang melibatkan aset-aset yang boleh ditukar beli untuk memenuhi keperluan Qard. Berdasarkan polisi ini, Institusi Kewangan Islam perlu menukar semua produk berasaskan *al-Wadi'ah Yad Dhamanah* kepada *al-Qard* dan mematuhi sepenuhnya keperluan dalam polisi dokumen Qard berkuatkuasa 31 Julai 2018 (Bank Negara Malaysia, 2018).

Perubahan kontrak ini secara teknikalnya turut menjustifikasikan perubahan teknikal dalam penawaran produk deposit ini. Antaranya tawaran hibah kepada pendeposit sebagai imbalan pemanfaatan dana yang diberikan. Sebagai suatu kontrak yang tidak bersifat menjana manfaat (*jar naf'an*), terdapat peraturan khusus yang perlu dipatuhi bagi memastikan hibah yang ditawarkan tidak mengandungi unsur riba, di samping kos pengurusan dan caj tambahan yang ditetapkan juga memenuhi keperluan syarak yang dinyatakan. Justeru, kawalan risiko Syariah perlu dilakukan oleh setiap institusi bagi menjamin kepatuhan terhadap prinsip Syariah menerusi setiap produk yang ditawarkan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengoperasian produk deposit berteraskan kontrak *al-Qard* oleh institusi perbankan Islam di Malaysia, dengan sampel kajian difokuskan kepada Agro Bank, Co-op Bank, Bank Islam dan Public Islamic Bank. Seterusnya, penilaian kepatuhan produk tersebut terhadap prinsip Syariah yang ditetapkan, selaras dengan dokumen polisi Qard dan Resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dilakukan berpandukan kepada tiga aspek yang ditetapkan, iaitu hibah pendeposit, caj pengurusan dan unsur gharar. Ketiga-tiga aspek ini dijadikan asas utama dalam memastikan produk deposit berteraskan kontrak *al-Qard* yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam yang dinyatakan memenuhi keperluan pengoperasian yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Pelaksanaan kontrak *al-Qard* dalam produk perbankan Islam semasa merupakan suatu perkembangan yang baik, meskipun secara asasnya kontrak ini tidak bernilai komersial, sebaliknya lebih bermatlamatkan nilai kebajikan semata-mata. Secara dasarnya, kontrak ini berperanan menyediakan kemudahan pinjaman bagi pelanggan, tanpa pulangan manfaat dan keuntungan, untuk memenuhi sama ada keperluan gaya hidup mahupun keperluan produktif. Maka, beberapa aspek seperti pengelolaan dana, pentadbiran, kelayakan pemberian pinjaman, kadar lebihan yang dikenakan kepada peminjam dengan alasan kos perkhidmatan, mekanisme pengembalian, bahkan kriteria calon pelanggan perlu diberikan penelitian berdasarkan panduan syarak (Abdulmajeed & Shahrul, 2020). Ini bagi mengelakkan transaksi kontrak ini terlibat dengan elemen-elemen yang menyalahi syarak seperti riba, gharar dan sebagainya. Justeru, pengoperasian produk perbankan Islam berteraskan kontrak *al-Qard* ini di Malaysia perlulah memenuhi keperluan prosedur sebagaimana yang termaktub dalam polisi Qard Bank Negara Malaysia selaras dengan prinsip Syariah.

Kontrak *al-Qard*

Kontrak *al-Qard* merupakan salah satu daripada kontrak kewangan Islam yang menekankan prinsip kebajikan dan tolong-menolong. Menurut bahasa, *al-Qard* bermaksud potong (*al-qat'*), iaitu memotong atau mengambil sebahagian daripada harta (*al-qarad*) untuk diberikan kepada seseorang dalam bentuk pinjaman (al-Jaziri, t.t.). Perspektif syarak pula merumuskan *al-Qard* sebagai pemberian sesuatu harta yang bernilai kepada seseorang bagi manfaat pihak tersebut, serta perlu dipulangkan semula tanpa menyelisihinya amaun pinjaman yang diberikan (al-Syarbini, 1958). Pinjaman yang diberikan adalah semata-mata suatu pemberian yang baik bertujuan untuk membuat kebajikan semata-mata mengharapkan keredaan Allah. Segala manfaat yang ada pada pinjaman tersebut semuanya kembali

kepada peminjam semata-mata dan pemiutang tidak mendapat sebarang manfaat daripada harta yang dipinjamkannya itu melainkan ia diberikan secara sukarela oleh pihak peminjam. Perkataan al-Qard dengan makna pinjaman ini turut direkodkan dalam al-Quran, antaranya menerusi firman Allah SWT:

Terjemahan: *Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya-lah kamu semua dikembalikan.* (Surah al-Baqarah 2:245)

Perkataan *al-Qard* dalam ayat tersebut membawa makna pinjaman, yang disandarkan kepada Allah SWT. Menurut Quraish Shihab (1999), mereka yang memberikan pinjaman kepada Allah SWT (melaksanakan kebajikan bagi meraih keredaan Allah SWT), akan diberikan gantian (pembayaran) yang wajar, bahkan dilipatgandakan gantian tersebut di dunia mahupun akhirat, seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, dan pada setiap butir seratus biji (700 gandaan)(Surah al-Baqarah 2:261).

Para fuqaha menetapkan *al-Qard* sebagai suatu kontrak pemindahan hak milik pemberi pinjaman (*al-muqrid*) kepada pihak peminjam (*al-muqtarid*) ke atas sejumlah wang atau barang yang mempunyai persamaan (*al-qarad*), yang mana pihak peminjam wajib membayar semula prinsipal pinjaman yang diterima semasa kontrak, mengikut tempoh yang dipersetujukan (al-Zuhayli, 1999). Sekiranya peminjam membayar lebih daripada jumlah yang dipinjam atas kerelaannya sendiri sebagai tanda penghargaan, makai a adalah diharuskan. Jabir bin 'Abd Allah RA meriwayatkan:

Terjemahan: *Nabi SAW pernah berhutang denganku, dan Baginda membayarnya dan melebihkannya (bayaran).* (Riwayat Abu Daud, no. hadith: 3347)

Bayaran tambahan oleh Rasulullah SAW merupakan suatu tanda penghargaan atas budi yang diberikan berupa pinjaman yang diberikan atas suatu keperluan dan kesulitan. Hal ini diperteguhkan dengan athar daripada Ibn Umar RA berkaitan pinjaman yang ditanggguhkan (bayarannya) pada tempoh tertentu:

Terjemahan: *Tidak mengapa (amalan tersebut), dan sekiranya dibayar lebih maka ia digalakkan selagimana tidak disyaratkan dalam kontrak.* (Riwayat al-Bukhari, no. hadith: 2403)

Para fuqaha al-Syafi'iyah memperincikan hukum *al-Qard* berdasarkan situasi pihak yang berkontrak. Justeru, haram hukumnya kontrak pinjaman yang dilakukan bagi tujuan yang dilarang syarak, seperti berjudi dan meminum arak. Bagi pinjaman yang dilakukan tanpa sebarang tujuan atau perkara tidak berfaedah, hukumnya adalah makruh. Justeru, pinjaman yang dianjurkan Islam hanyalah bagi keperluan yang mendesak tanpa alternatif lain yang boleh dimanfaatkan ('Abd al-Karim, 1990). Selain itu, terdapat dua syarat asas yang perlu dipatuhi bagi menjamin keharusan kontrak pinjaman ini (al-Zuhayli, 2004). Pertama, tiada sebarang syarat atau jaminan manfaat sebagai tambahan kepada amaun yang dipinjam. Ini kerana kontrak pinjaman berteraskan prinsip kebajikan dan persaudaraan, dan jika disyaratkan sebarang manfaat tambahan, maka ia bersalahan dengan tujuan kontrak yang mulia. Ia juga selaras dengan peringatan Rasulullah SAW yang diriwayatkan secara mawquf:

Terjemahan: *Setiap pinjaman yang mensyaratkan adanya manfaat (keuntungan) bagi pemberi pinjaman adalah sama dengan riba.* (Riwayat al-Bayhaqi, no. hadith: 350)

Kedua, kontrak al-Qard ini tidak boleh bercampur dengan kontrak lain, Sebagai contoh kontrak pinjaman yang dilakukan bersamaan dengan kontrak jual beli, sebagaimana sabda Nabi SAW:

Terjemahan: *Tidak sah melakukan kontrak pinjaman bersamaan dengan kontrak jual beli.* (Riwayat Abu Daud, no. hadith: 3504)

Di antara asas kepada larangan tersebut kerana ia berpotensi membawa kepada kontrak yang mengandungi unsur riba yang diharamkan syarak, seperti kontrak *al-'Inah* dan sebagainya.

Polisi Qard Bank Negara Malaysia

Dokumen Polisi Qard yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 26 Februari 2018, merupakan sebahagian daripada rangka kerja kawal selia berasaskan kontrak Syariah BNM. Dokumen ini menggariskan keperluan Syariah dan operasi *al-Qard* untuk menggalakkan penggunaan kontrak Syariah ini dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam dengan lebih baik. Dokumen polisi ini juga memperincikan keperluan peralihan yang diterima pakai bagi produk *al-Wadi'ah Yad Damanah* yang sedia ada yang melibatkan aset-aset yang boleh ditukar beli untuk memenuhi keperluan *al-Qard*. Justeru, berdasarkan Fasal 22 polisi ini, institusi perbankan Islam perlu membuat pengelasan semula secara efektif bagi menggantikan semua Akaun Simpanan dan Semasa (CASA) berasaskan kontrak *al-Wadi'ah* dengan Akaun Simpanan dan Semasa (CASA) berasaskan kontrak *al-Qard* sebelum 31 Julai 2018. Dokumen dasar ini bertujuan untuk (a) memberikan rujukan mengenai ketetapan Syariah yang terpakai bagi *al-Qard*; (b) menetapkan keperluan operasi utama bagi pelaksanaan *al-Qard*; dan (c) menggalakkan pematuhan menyeluruh terhadap keperluan Syariah, yang seterusnya menggalakkan amalan perbankan Islam yang mantap serta melindungi kepentingan pengguna.

Bagi memenuhi tujuan tersebut, dokumen ini telah menetapkan dua perkara asas, iaitu (a) ciri penting dan syarat penting *al-Qard* sebagaimana yang diperincikan dalam Bahagian B dokumen ini; dan (b) jangkaan kawal selia dan penyeliaan untuk keperluan operasi mengenai tadbir urus dan pengawasan, penstrukturan, pengurusan risiko, perniagaan dan pengendalian pasaran serta pendedahan kewangan dalam Bahagian C. Dari segi kesahan perundangan, butiran dalam Bahagian B dokumen polisi ini ditentukan menurut (a) Seksyen 29(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013; dan (b) Seksyen 33E(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan (AIKP) 2002, manakala butiran dalam Bahagian C pula adalah berdasarkan kepada (a) Seksyen 29(2), 57, 135(1) dan 155 APKI 2013; dan (b) Seksyen 33E(2), 41, 42C(1) dan 116 AIKP 2002. Dokumen ini merujuk *al-Qard* sebagai kontrak peminjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam, yang mana ia terikat untuk membayar balik jumlah gantian yang setara kepada pemberi pinjaman. Sifat semula jadi kontrak *al-Qard* ialah kewajipan peminjam untuk membayar balik wang yang dipinjam sepenuhnya. Kontrak ini menghimpunkan tiga komponen, iaitu (a) pihak berkontrak, terdiri daripada pemberi pinjaman dan peminjam; (b) tawaran (ijab) dan penerimaan (qabul); dan (c) wang, sama ada matawang, emas atau perak.

Pihak yang berkontrak, sama ada individu perseorangan atau entiti undang-undang mestilah mempunyai keupayaan undang-undang untuk terlibat dengan kontrak tersebut. Keupayaan undang-undang bagi individu dari perspektif Syariah, ditakrifkan sebagai keupayaan untuk memikul hak dan tanggungjawab; serta keupayaan untuk memberi kesan undang-undang kepada tindakannya, seperti mempunyai akal fikiran yang waras dan mampu membezakan antara perkara yang berbahaya atau bermanfaat kepada kepentingan seseorang. Bagi entiti undang-undang, keupayaan ini ditakrifkan sebagai kelayakan entiti untuk memperoleh hak dan memikul tanggungjawab. Di Malaysia, kapasiti undang-undang ini tertakluk kepada Akta Kontrak 1950 dan Akta Umur Majoriti 1971. Kontrak *al-Qard* ini hendaklah dibuat melalui tawaran dan penerimaan pihak yang berkontrak, sama ada secara lisan, bertulis atau melalui mana-mana kaedah lain yang diiktiraf oleh Syariah. Terma dan syarat kontrak *al-Qard* yang telah dipersetujui bersama antara pihak yang berkontrak dan selaras dengan Syariah hendaklah mengikat pihak yang berkontrak. Kontrak *al-Qard* juga tidak boleh mengandungi sebarang faedah kontrak kepada pemberi pinjaman, termasuk (a) rebat berkala (*ibra'*) yang telah dipersetujui sebelumnya kepada pembeli atas ansuran harga jualan tertunda yang dikaitkan dengan kontrak *al-Qard* daripada pembeli kepada penjual; (b) sebarang bentuk insentif berdasarkan janji yang mengikat (*wa'd mulzim*) kepada pemberi pinjaman untuk memasuki kontrak *al-Qard*; atau (c) hibah yang diberikan oleh peminjam kepada pemberi pinjaman dalam bentuk tunai, dalam bentuk atau faedah yang bersyarat kepada kontrak *al-Qard*.


Namun, faedah kontrak yang bersifat generik, tidak bergantung kepada kontrak *al-Qard*, dan tidak eksklusif kepada pemberi pinjaman adalah dibenarkan. Selain itu, sebarang *ibra'* selepas penyelesaian harga jualan penuh kontrak jualan yang bebas daripada kontrak *al-Qard* tidak boleh

ditafsirkan sebagai manfaat kontrak kepada pemberi pinjaman. Perkhidmatan, kemudahan atau keistimewaan yang dikenal pasti disediakan oleh peminjam yang tidak eksklusif kepada pemberi pinjaman juga tidak boleh ditafsirkan sebagai manfaat kontrak kepada pemberi pinjaman dan ia adalah dibenarkan. Wang yang dipinjam di bawah kontrak *al-Qard* mesti dibayar balik mengikut terma kontrak *al-Qard* yang dipersetujui atau, sekiranya tiada terma sedemikian, atas permintaan pemberi pinjaman (Bank Negara Malaysia, 2018). Sekiranya pihak yang berkontrak bersetuju bahawa wang yang dipinjam di bawah kontrak *qard* akan dibayar balik dalam mata wang yang berbeza, pembayaran balik tersebut mestilah berdasarkan kadar pertukaran semasa pada tarikh pembayaran atau mana-mana kadar yang dipersetujui oleh pihak-pihak pada tarikh pembayaran. Sekiranya peminjam gagal membayar balik wang, peminjam mungkin tertakluk kepada caj pembayaran lewat seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Aplikasi Kontrak *al-Qard* Sebagai Produk Perbankan Islam

Produk deposit menjadi antara sumber kewangan utama bagi institusi perbankan, baik konvensional mahupun Islam. Pengaplikasian produk ini oleh institusi perbankan adalah berdasarkan prinsip deposit permintaan (*demand deposit*), iaitu pelanggan menyimpan wang kepada bank atau institusi kewangan, serta boleh menarik semula simpanan tersebut tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Bank atau institusi kewangan pula pada dasarnya tidak membayar faedah atau jumlah bunga yang wajar kerana tempoh simpanan yang lebih pendek. Deposit permintaan ini bersumberkan empat pihak utama, iaitu individu, kerajaan (persekutuan, negeri dan badan berkanun), badan perniagaan dan institusi kewangan. Selain urusan niaga, simpanan ini juga dilakukan bagi tujuan 'awasan' dan pulangan pelaburan. Peningkatan deposit permintaan membolehkan pihak bank mempunyai sumber dana yang banyak untuk membuat pelaburan dan seterusnya menyumbang kepada pendapatan negara, serta pulangan yang baik kepada para pendeposit. Perbankan Islam mempunyai potensi yang cerah untuk terus berdaya saing dalam segmen perbankan semasa, dipacu oleh amalan perbankan yang berlandaskan prinsip Syariah di samping kadar pulangan deposit permintaan yang kukuh (Rudi, Zainal & Andri, 2023).


Akaun Simpanan dan Semasa (CASA) merupakan produk deposit atau simpanan patuh Syariah yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Selain berfungsi sebagai instrumen simpanan dan jaminan deposit, CASA juga menawarkan pulangan ganjaran yang menarik buat pelanggan. Bagi menjamin tawaran pulangan yang berkesan, kontrak Syariah yang sering digunakan sebelum ini adalah *al-Wadi'ah*, iaitu kontrak perjanjian antara pelanggan yang mempunyai barangan (wang atau emas) supaya disimpan oleh pihak bank bagi tujuan keselamatan. Simpanan yang tidak disusuli dengan sebarang syarat dinamakan sebagai *al-Wadi'ah Yad Amanah*, iaitu bank hanya berperanan sebagai penyimpan dan tidak bertanggungjawab atas kerosakan dan kehilangan barangan bukan atas faktor kecuaiannya sendiri (Hasan & Hasan, 2022). Namun, amalan yang dipraktikkan oleh institusi perbankan Islam bagi produk deposit ini adalah berdasarkan prinsip *al-Wadi'ah Yad Damanah*, iaitu bank akan memohon keizinan pendeposit untuk menggunakan wang tersebut pada perniagaan yang diharuskan syarak. Penyimpan masih boleh mengeluarkan wangnya pada bila-bila masa, dan bank pula akan bertanggungjawab atas segala kerosakan dan kehilangan wang berkenaan. Sebagai imbalan, bank atas budi bicaranya boleh memberikan sebahagian daripada keuntungannya kepada pelanggan sebagai saguhati (hibah), tanpa dijanjikan kadarnya terlebih dahulu.



Rajah 1: Aplikasi Kontrak *al-Wadi'ah Yad Damanah* Dalam Produk Deposit

Berdasarkan rajah di atas, para pelanggan selaku pendeposit akan menyimpan sejumlah dana dalam akaun deposit di bank. Bank pula akan menjamin keselamatan dana tersebut supaya boleh diserahkan semula kepada pelanggan pada bila-bila masa yang diperlukan. Berdasarkan kontrak *al-Wadi'ah Yad Damanah*, bank boleh menggunakan dana pendeposit bagi tujuan perniagaan dan pelaburan dengan makluman dan keizinan pelanggan. Keuntungan yang diperoleh sepenuhnya dimiliki oleh pihak bank, namun bank atas budi bicara boleh berkongsi keuntungan tersebut dalam bentuk suguhati (hibah).

Namun begitu, berdasarkan polisi baharu yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, semua kontrak *al-Wadi'ah Yad Damanah* perlu ditukarkan kepada kontrak *al-Qard*. Justeru, semua penawaran produk CASA oleh institusi perbankan Islam adalah berasaskan kepada kontrak *al-Qard* ini. Dalam struktur *al-Qard*, bank akan bertindak sebagai peminjam (*muqtarid*) dan pendeposit pula sebagai pemiutang (*muqrid*). Segala dana deposit yang diterima oleh bank dianggap sebagai pinjaman (*qirad*) yang perlu dibayar semula kepada pendeposit pada bila-bila masa yang diminta oleh pendeposit tanpa sebarang tambahan. Namun, hibah atas budi bicara tidak dilarang dengan syarat ia tidak dikaitkan dengan pinjaman, atau dijadikan suatu kelaziman. Struktur asas *al-Qard* yang dinyatakan adalah seperti berikut:



Rajah 2: Aplikasi Kontrak *al-Qard* Dalam Produk Deposit

Berdasarkan rajah 2 di atas, para pelanggan selaku pendeposit akan mendepositkan sejumlah wang dalam akaun deposit di bank. Bank selaku peminjam boleh menggunakan wang tersebut bagi tujuan pelaburan, namun perlu menyerahkan semula pinjaman tersebut pada bila-bila masa sahaja yang diminta oleh pelanggan. Pulangan hibah adalah sifar dan tidak boleh dijanjikan dalam kontrak, baik ditetapkan

sebarang kadar mahupun tanpa sebarang penetapan kadar. Segala baki bawah minimum milik pelanggan pula akan dimasukkan dalam tabung infak setelah prosedur yang bersesuaian dilaksanakan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan secara kualitatif bagi mengumpul maklumat, data serta bahan-bahan rujukan dari sumber yang tepat. Penyelidikan kualitatif memfokuskan kepada usaha untuk mendapatkan maklumat bukan numerikal (Cresswell, 2013) yang dapat memberikan keterangan mendalam tentang latar belakang sesuatu perkara. Kajian kualitatif menggunakan pendekatan yang semulajadi untuk memahami keadaan sebenar suatu fenomena dalam konteks yang khusus tanpa memanipulasi apa-apa situasi sebenar (Patton, 2002). Kajian ini menggunakan metode analisis dokumen dan analisis kandungan, iaitu dengan menganalisis fakta-fakta yang diperoleh daripada kajian lepas. Analisis dokumen merujuk kepada pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak atau disiarkan. Penelitian terhadap buku, tesis, disertasi, jurnal dan kajian-kajian ilmiah yang berkaitan digunakan bagi mengumpul data. Selain itu, laporan polisi dan resolusi Bank Negara Malaysia turut dicerakinkan bagi mendapatkan penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang tersurat. Polisi Qard Bank Negara Malaysia menjadi panduan utama bagi mengenal pasti dasar dan prosedur semasa pengoperasian produk CASA oleh institusi perbankan Islam di Malaysia. Di samping itu, penelitian turut dilakukan terhadap dokumen pengoperasian produk perbankan oleh beberapa institusi seperti Agro Bank, Co-op Bank, Bank Islam dan Public Islamic Bank sebagai sampel umum.

Data yang diperoleh seterusnya dianalisis secara induktif bagi menghuraikan, menganalisis dan membuat kesimpulan data dalam proses mencari kesahihan fakta, data serta maklumat yang bersifat khusus kepada umum. Penyelidikan induktif bermula dengan pemerhatian terperinci dalam situasi yang umum dan kemudiannya bergerak ke arah menggubal pandangan dan teori yang lebih khusus. Penyelidikan induktif melibatkan proses mendalam situasi kajian dan meneliti penjelasan berkaitan untuk membentuk kesimpulan apabila kajian selesai (Bennard, 2011). Dalam kajian ini, tiga aspek utama telah ditetapkan bagi memandu analisis yang dilakukan, iaitu hibah pendeposit, caj pengurusan dan unsur *gharar*. Ketiga-tiga aspek ini berperanan penting dalam menentukan status pengoperasian produk al-Qard oleh institusi perbankan Islam. Justeru, analisis dilakukan terhadap aplikasi kontrak *al-Qard* dalam produk deposit institusi perbankan Islam yang dinyatakan dengan meneliti ketiga-tiga aspek yang dinyatakan bagi menilai kepatuhan pelaksanaannya berdasarkan prinsip Syariah serta polisi Bank Negara Malaysia.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penawaran produk deposit seperti CASA oleh institusi perbankan Islam di Malaysia sebelum ini adalah berteraskan kepada kontrak *al-Wadi'ah Yad Damanah*. Dalam kontrak ini, pihak bank akan menjamin deposit yang dimasukkan oleh para pelanggan, dan dalam masa yang sama bank juga (dengan izin pelanggan) akan menggunakan dana tersebut bagi tujuan pelaburan. Para fuqaha berpandangan praktikal *al-Wadi'ah Yad Damanah* yang wujud ini lebih menepati kontrak *al-Qard*, berbanding kontrak *al-Wadi'ah* itu sendiri. Justeru, setiap wang yang didepositkan oleh pelanggan ke dalam akaun bank merupakan pinjaman kepada pihak bank, dengan menggunakan prinsip dan prosedur pinjaman. Menurut al-Qardawi (1998), hubungan antara pihak bank dengan pendeposit menerusi kontrak *al-Wadi'ah Yad Damanah* merupakan hubungan penghutang dan pemiutang. Dalam erti kata lain, simpanan deposit dalam CASA yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh pendeposit dianggap sebagai pinjaman kepada bank. Maka, bank sebagai penerima pinjaman bertanggungjawab sebagai penjamin kepada simpanan dan perlu mengembalikan dana tersebut apabila diminta oleh pendeposit (IIFA, 1998). Pandangan sama juga ditegaskan oleh al-Zuhayli (2006) dengan justifikasi penggunaan wang deposit oleh pihak bank sebagai modal telah mengubah status mereka daripada pemegang Amanah kepada pengurus/peminjam aset. Oleh itu, kontrak yang lebih tepat adalah *al-Qard*, dan bukannya *al-Wadi'ah*.

Oleh demikian, penguatkuasaan polisi Qard oleh Bank Negara Malaysia bagi semua produk CASA menggantikan kontrak *al-Wadiah* adalah menepati prinsip Syariah yang digariskan oleh para fuqaha. Hal ini selaras dengan Resolusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia pada mesyuarat khas ke-6 bertarikh 8 Mei 2008 berhubung *takyif* kontrak *al-Wadi'ah Yad Damanah* sebagai *al-Qard*. Kontrak *al-Qard* ini pada dasarnya tidak mempunyai sebarang nilai komersial, kerana berpotensi mempunyai elemen riba. Justeru, kontrak ini telah distrukturkan tanpa konsep urusan komoditi dan meminimumkan operasi (tidak terbeban dengan urusan komoditi) serta kos brokerej. Meskipun begitu, jaminan prinsipal yang diberikan kekal utuh, tanpa ikatan tempoh mahupun sekatan pengeluaran. Secara ringkasnya, perbezaan antara kontrak *al-Qard* dengan *al-Wadiah Yad Damanah* adalah seperti berikut:

Perkara	Qard	Wadiah Yad Dhamanh
Kontrak	Pinjaman	Simpanan dengan jaminan
Kesan	Keberhutangan oleh CBP	Jaminan oleh CBP
Prinsipal	Dijamin	Dijamin
Untung	Dilarang	Hibah atas budibicara
Penjanaan	Tiada	Hibah jika ada
Manfaat +	Dilarang	Dilarang
Kempen	Dilarang	Dilarang

Jadual 1: Perbezaan Kontrak *al-Qard* dan *Wadi'ah Yad Damanah* (Sumber: Soalan-Soalan Lazim Co-op Bank Pertama)

Perubahan kontrak ini sebenarnya bukanlah bersifat penjenamaan semula sahaja, namun turut melibatkan penyesuaian aspek teknikal memandangkan kedua-dua kontrak ini mempunyai asas dan praktikal yang berbeza. Oleh itu, terdapat tiga elemen yang perlu diberikan perhatian, iaitu hibah pendeposit, caj pengurusan serta unsur gharar dalam aplikasi kontrak. Justeru, penilaian yang sewajarnya perlu dilakukan bagi memastikan pelaksanaan kontrak baharu ini memenuhi keperluan prinsip Syariah secara tuntas.

Hibah Pendeposit

Kontrak *al-Qard* merupakan salah satu kontrak yang diaplikasikan bagi tujuan pengurusan mudah tunai dalam kewangan Islam. Berdasarkan kontrak ini, pihak peminjam (bank) perlu memulangkan jumlah wang yang dipinjam (dana deposit) kepada pemberi pinjaman pelanggan) tanpa menjanjikan sebarang penambahan. Namun begitu, amalan semasa yang berlaku pihak peminjam atas budi bicara dan kerelaannya memberikan saguhati tambahan kepada pemberi pinjaman semasa melunaskan bayaran pinjaman. Pemberian ini juga bukanlah suatu yang disyaratkan sebaliknya atas faktor kebajikan dan nilai budi semata-mata. Justeru, resolusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-55 bertarikh 29 Disember 2005 memutuskan bahawa pemberian hibah yang tidak disyaratkan dalam kontrak *al-Qard* adalah diharuskan. Namun, pemberian hibah ini tidak boleh dijadikan sebagai amalan tetap bagi mengelakkan amalan tersebut dikira sebagai *`urf* yang menyerupai syarat dalam kontrak *al-Qard*, serta boleh membawa kepada riba. Sebarang penambahan kepada *al-Qard* ketika pembayaran semula sama ada dari segi kadar, sifat, pemberian aset atau manfaat adalah harus sekiranya dilakukan tanpa syarat. Ringkasnya, hukum memberi hibah kepada pemberi pinjaman adalah sama seperti hukum pinjaman yang melibatkan manfaat, iaitu diharamkan sekiranya hibah tersebut disyaratkan dalam akad, tetapi dibenarkan sekiranya hibah diberikan tanpa syarat. Hal ini selaras dengan peringatan Rasulullah SAW yang diriwayatkan secara *mawquf*:

Terjemahan: *Setiap pinjaman yang mensyaratkan adanya manfaat (keuntungan) bagi pemberi pinjaman adalah sama dengan riba.* (Riwayat al-Bayhaqi, no. hadith: 350)

Dalam kontrak *al-Qard*, penetapan syarat berupa manfaat kepada pemberi pinjaman adalah tidak dibenarkan. Sebagai contohnya, mensyaratkan peminjam supaya memberi tempat tinggal secara percuma atau dengan harga murah kepada pemberi pinjaman, memberikan balasan terhadap kebaikan atau memberikan hadiah sebagai imbalan atas pinjaman yang diberikan. Maka, ia merupakan riba yang bercanggah dengan prinsip Syariah. Namun, pemberian hibah oleh peminjam kepada pemberi pinjaman tanpa sebarang syarat dan jaminan adalah digalakkan dalam Islam, sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW:

Terjemahan: *Sebaik-baik dalam kalangan kamu adalah orang yang paling baik dalam menunaikan hutang.* (Riwayat al-Bukhari, no. hadith: 2305).

Berdasarkan polisi Qard Bank Negara Malaysia, peminjam (bank) di bawah kontrak *al-Qard* tidak boleh memberikan hibah kepada pemberi pinjaman (pelanggan) secara bersyarat, baik dalam bentuk tunai, barangan atau manfaat, sebaliknya ia diharuskan hanya atas dasar budi bicara. Namun, peminjam sendiri berhak mendapat sebarang faedah atau hasil yang diperoleh daripada wang yang dipinjam menerusi aktiviti sampingan yang dilakukan seperti pelaburan. Selain itu, peminjam juga tidak boleh mendedahkan, mempromosi atau memasarkan kadar indikatif atau pemberian hibah secara prospektif. Peminjam hendaklah mempunyai budi bicara untuk mendedahkan maklumat sejarah mengenai hibah yang diberikan dengan syarat maklumat tersebut tidak boleh (a) ditafsirkan sebagai hibah indikatif; atau (b) menimbulkan apa-apa kewajipan di pihak peminjam untuk memberikan hibah tersebut kepada pemberi pinjaman. Sekiranya institusi kewangan Islam mendedahkan sebarang maklumat sejarah mengenai hibah yang diberikan di bawah kontrak *al-Qard*, mereka mesti (a) memastikan maklumat hibah sejarah adalah berdasarkan kadar hibah sebenar; dan (b) memberikan penafian yang jelas bahawa, sekurang-kurangnya, mengandungi (i) pelanggan boleh atau tidak boleh menerima apa-apa hibah untuk deposit *al-Qard*; dan (ii) maklumat hibah sejarah tidak boleh ditafsirkan sebagai kadar pulangan indikatif atau prospektif, jaminan atau janji yang sah di sisi undang-undang bahawa hibah akan diberikan pada penempatan deposit *al-Qard*.

Penelitian terhadap dokumen produk deposit (CASA) berteraskan kontrak *al-Qard* oleh beberapa institusi perbankan Islam seperti Agro Bank (Agro BSA-I & Agro Perdana-i), CO-OP Bank (ASQ-i), Bank Islam (QSA-i) dan Public Islamic Bank (CASA-I Qard) mendapati maklumat berkaitan hibah adalah sebagaimana yang telah ditetapkan. Bahkan, CO-OP Bank sendiri dalam dokumennya menegaskan tiada sebarang pemberian hibah diberikan kepada para pendeposit. Namun, pihak bank masih menyediakan alternatif kepada para pelanggan dengan menyediakan produk deposit yang menawarkan nilai keuntungan yang terjamin berdasarkan kontrak Tawarruq, seperti Agro Bank (Agro Farah-i) dan CO-OP Bank (AS-i Salam). Bank Simpanan Nasional pula mengambil inisiatif sendiri dengan menukarkan semua produk deposit yang menggunakan kontrak *al-Qard* kepada Tawarruq sebagai strategi pemasaran. Justeru, pematuhan terhadap polisi yang ditetapkan Bank Negara Malaysia ini mencerminkan iltizam dan komitmen pihak institusi perbankan Islam terhadap penawaran produk patuh Syariah.

Caj Pengurusan

Pemberi pinjaman (pelanggan) dalam kontrak *al-Qard* boleh mengenakan caj pengurusan berdasarkan kontrak *ujrah*, sebagai pertukaran penyediaan perkhidmatan, faedah, kemudahan atau keistimewaan. Perkhidmatan, kemudahan atau keistimewaan yang disediakan oleh peminjam (bank) pula, yang tidak eksklusif kepada pemberi pinjaman tidak boleh ditafsirkan sebagai manfaat kontrak dan dibenarkan. Namun, pengenaan caj perkhidmatan ini perlulah mematuhi prinsip Syariah serta merupakan kos langsung dan sebenar bagi menampung perkhidmatan yang ditawarkan. Pengenaan *ujrah* ini mestilah ditetapkan dan dipersetujui bersama oleh pihak yang berkontrak, serta mungkin berbeza mengikut nilai pelbagai jenis perkhidmatan, faedah, kemudahan atau keistimewaan yang dikenal pasti. Meskipun begitu, *ujrah* ini tidak boleh dikenakan ke atas lanjutan pinjaman, kelewatan pembayaran balik pinjaman atau pertukaran wang tunai dengan tunai pada nilai yang berbeza (perkhidmatan pulangan tunai). Justeru, institusi kewangan Islam bertanggungjawab memastikan yuran dan caj yang dikenakan adalah

berdasarkan kos langsung untuk menyelesaikan transaksi *al-Qard*. Pendedahan maklumat dan promosi pemasaran berkaitan yuran dan caj yang disampaikan kepada pihak pelanggan perlulah jelas dan mencukupi, terutamanya pada peringkat pra-kontrak. Keharusan pengenaan caj perkhidmatan atau kos pengurusan menerusi kontrak ujah ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

Terjemahan: *Berikanlah upah pegawai (buruh), sebelum kering peluhnya.* (Riwayat Ibn Majah, no hadith: 2443)

Berdasarkan Standard Syariah AAOIFI (1986), pengenaan caj tambahan bagi menampung kos perkhidmatan bagi kontrak pinjaman adalah diharuskan, dengan syarat ia merupakan kos sebenar perkhidmatan tersebut. Justeru, adalah haram bagi penyedia perkhidmatan untuk mengenakan kos yang lebih tinggi daripada nilai sebenar, atau menyertakan kos-kos tidak langsung gaji pekerja, sewaan premis dan lain-lain tanggungan ke dalam caj yang dikenakan. Maka, kaedah pengiraan yang terperinci dan tepat perlu dilakukan bagi memastikan caj yang dikenakan tidak mengandungi unsur riba. Selain itu, caj yang dikenakan juga perlulah bersifat tetap dan bukannya dihubungkan dengan amaun pinjaman, baik dalam bentuk peratusan mahupun kadar tertentu. Sebagai contoh, sekiranya jumlah kos sebenar bagi sesuatu pinjaman melibatkan transaksi komputer, yuran peguam, duti setem dan lain-lain hanya sekitar RM500 sahaja, maka sesiapa sahaja yang melakukan pinjaman perlu dikenakan caj yang sama tanpa mengira amaun pinjaman. Namun sekiranya ditetapkan dalam bentuk peratusan yang dihubungkan dengan amaun pinjaman seperti 2% atau 3%, caj ini akan berubah dan meningkat mengikut jumlah pinjaman setiap individu. Tatkala itu kos pengurusan tidak lagi menjadi kos pengurusan tetapi menjadi kos faedah atau riba *al-nasi'ah* yang diharamkan oleh Islam.

Penelitian terhadap dokumen produk deposit (CASA) berteraskan kontrak *al-Qard* institusi perbankan Islam yang dinyatakan mendapati caj dan yuran perkhidmatan yang dikenakan adalah dalam nilai yang seragam serta menggambarkan kos sebenar yang ditampung oleh penyedia perkhidmatan (bank). Kos yang dikenakan juga hanya melibatkan perkhidmatan langsung seperti permohonan pembukaan dan penutupan akaun, penyata akaun, akaun dorman, penggantian kehilangan serta arahan tetap (fi setem dan bayaran interbank). Justeru, caj perkhidmatan yang dikenakan adalah harus serta menetapi prinsip Syariah yang digariskan.

Unsur *Gharar*

Kewujudan unsur *gharar* dalam sesuatu kontrak adalah diharamkan kerana mengandungi unsur keraguan, ketidakpastian dan ketidakjelasan yang berpotensi mencetuskan perselisihan antara pihak yang berkontrak. Justeru, Islam mensyaratkan agar setiap kontrak yang dimeterai perlulah mengandungi maklumat yang jelas dan terperinci bagi memastikan setiap pihak yang berkontrak reda atas transaksi yang dilaksanakan.

Terjemahan: *Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang jual beli al-hasah (melempar batu) dan jual beli gharar (ketidakjelasan).* (Riwayat Muslim, no. hadith: 1513)

Secara dasarnya, unsur *gharar* yang boleh menjejaskan sesuatu kontrak adalah yang bersifat berat (*fahisy*), sedang *gharar* yang bersifat ringan (*yasir*) pada kebiasaannya adalah dimaafkan. Sesuatu kontrak dianggap mengandungi unsur *gharar* berat berdasarkan empat kriteria, iaitu (a) *gharar* tersebut bersifat melampau pada setiap keadaan, masa dan tempat; (b) kontrak yang terlibat adalah kontrak pertukaran dua hala melibatkan harta seperti jual beli dan sewaan; (c) *gharar* tersebut melibatkan komponen utama kontrak seperti harga dan barangan; dan (d) terdapat kontrak lain yang tidak mengandungi *gharar* seumpama kontrak terlibat (Shafi'i & Rusni, 2014). Menurut al-Suwailem (1999) pula, sesuatu *gharar* itu bersifat ringan dan tidak mempengaruhi kontrak sekiranya risiko itu boleh diendahkan, atau kesannya adalah kecil; ia berada di luar kawalan seseorang; dan ia tidak disengajakan. Dalam kontrak *al-Qard*, terdapat beberapa amalan yang berpotensi mengandungi unsur *gharar*, seperti perbezaan nilai mata wang dalam kontrak, perubahan amaun pinjaman secara berulang, serta transaksi pinjaman secara unjuk terima.

Perbezaan nilai matawang dalam kontrak *al-Qard* boleh berlaku, apabila pendeposit meminjamkan dana kepada pihak bank menggunakan matawang Malaysia, namun pinjaman tersebut dibayar semula menggunakan matawang Singapura. Justeru, polisi Qard Bank Negara Malaysia mensyaratkan sekiranya pihak yang berkontrak bersetuju bahawa wang yang dipinjam di bawah kontrak *al-Qard* akan dibayar balik dalam mata wang yang berbeza, pembayaran balik tersebut mestilah berdasarkan kadar pertukaran semasa pada tarikh pembayaran atau mana-mana kadar yang dipersetujui oleh pihak-pihak pada tarikh pembayaran. Persetujuan ini perlulah dizahirkan sewaktu kontrak tersebut dimeterai antara pelanggan dan pihak bank.

Selain itu, institusi kewangan Islam juga perlu memastikan dokumen perundangan bagi kontrak *al-Qard* ini mengandungi terma dan syarat berikut: (a) tujuan *al-Qard*; (b) hubungan kontrak antara pihak yang berkontrak; (c) hak dan kewajipan pihak yang berkontrak kepada *al-Qard*; (d) perkiraan dengan kontrak atau konsep Syariah lain seperti *ujrah*, jika berkenaan; (e) perkiraan sekiranya berlaku kematian pelanggan atau penamatan kontrak *al-Qard*; (f) perkiraan apabila kontrak *al-Qard* selesai; dan (g) yuran dan caj. Ini bagi memastikan kontrak yang dipersetujui tersebut jelas dan tidak mengandungi sebarang keraguan mahupun ketidakjelasan.

Penambahan dan pengeluaran deposit oleh para pelanggan secara berkala juga menyaksikan perubahan kepada amaun deposit yang ditakrifkan sebagai pinjaman. Berdasarkan kontrak *al-Qard*, dana pinjaman merupakan *ma'qud 'alayh* yang perlu bersifat jelas. Meskipun begitu, penambahan atau pengeluaran secara berkala tertakluk kepada baki had minima dan had maksima pengeluaran harian, pada dasarnya tidak menyebabkan wujudnya unsur *gharar* berat pada *al-Qard*. Hal ini kerana Islam mengharuskan pinjaman dan penyelesaian yang dilakukan secara berulang kali selama-mana tempoh yang dipersetujui. Unsur *gharar* yang wujud juga bersifat ringan memandangkan ia telah menjadi amalan biasa dalam traksaksi perbankan. Justeru, perkara ini tidak menjejaskan kontrak *al-Qard* yang berlaku antara pelanggan dan pihak bank.

Isu terakhir pula melibatkan kontrak *al-Qard* secara *incidental* melalui kaedah unjuk terima (*mu'atah*) tanpa sebarang dokumentasi *al-Qard*. Transaksi secara unjuk terima ialah transaksi yang dilaksanakan hanya melalui perlakuan (*conduct*) tanpa melibatkan ekspresi penawaran dan penerimaan (ijab dan qabul) yang jelas sama ada secara lisan atau dokumentasi. Pada dasarnya, amalan unjuk terima dalam konteks tadbir urus masa kini kurang sesuai diaplikasikan kerana ia sukar dibuktikan sekiranya berlaku pertikaian (*dispute*) antara pihak-pihak berkontrak. Oleh itu, bagi memastikan ketelusan transaksi kewangan dan menjaga kepentingan pihak-pihak berkontrak, semua kontrak yang dimeterai perlu dibuktikan dengan jelas melalui dokumentasi atau rekod.

Namun begitu, keperluan dokumentasi penawaran dan penerimaan (ijab dan qabul) terutamanya bagi pelaksanaan kontrak Qard yang bersifat *incidental* berpotensi menimbulkan kesukaran operasi institusi kewangan Islam. Dalam konteks ini, kontrak *incidental* merujuk kepada kontrak yang tidak menjadi tujuan asal (*originally unintended contract*). Fuqaha Syafi'iyah mengharuskan pelaksanaan kontrak *al-Qard* secara *hukmi* tanpa melibatkan penawaran dan penerimaan (ijab dan qabul), seperti mendahulukan bayaran bagi pihak yang lain dengan niat ia perlu dibayar balik (al-Ansari, 1994). Memandangkan Syariah mengiktiraf kaedah pelaksanaan unjuk terima dalam kontrak utama, maka ia boleh juga digunakan dalam kontrak *al-Qard* secara *incidental* kerana ia sudah memadai untuk memenuhi persetujuan pihak-pihak berkontrak. Tambahan, terdapat indikasi kepada kontrak *al-Qard* secara *incidental* melalui klausa tertentu dalam perjanjian induk, dan/atau dalam dokumen lain, dan/atau amalan perbankan semasa (*'urf tijari*) yang tidak membawa kepada pertikaian antara pihak-pihak berkontrak. Maka, sebarang ketidakjelasan yang terzahir daripada kontrak ini tidak membawa kepada unsur *gharar* yang bercanggah dengan prinsip Syariah. Penelitian terhadap dokumen produk deposit setiap institusi perbankan Islam yang dinyatakan juga mendapati maklumat-maklumat yang didedahkan kepada para pelanggan telah memenuhi kriteria polisi Qard, Bank Negara Malaysia serta prinsip Syariah yang digariskan. Maka, produk deposit yang ditawarkan telah memenuhi keperluan kontrak *al-Qard* yang ditetapkan.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Perubahan kontrak Syariah dalam produk deposit oleh institusi perbankan Islam di Malaysia, daripada kontrak *al-Wadi'ah Yad Damanah* kepada *al-Qard* mencerminkan ketelitian dan iltizam Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia bagi memastikan pelaksanaan kontrak-kontrak Syariah dalam produk perbankan Islam bebas daripada sebarang elemen yang meragukan dan menyalahi prinsip Syariah. Polisi Qard yang telah dikuatkuasakan menjadi rujukan utama bagi memastikan pelaksanaan kontrak ini memenuhi keperluan yang digariskan Islam. Meskipun kontrak *al-Qard* ini pada dasarnya tidak mempunyai nilai komersial, namun tawaran alternatif yang disediakan oleh pihak bank bagi produk deposit ini, antaranya menerusi kontrak *Tawarruq* dan *Murabahah* membolehkan institusi perbankan Islam kekal utuh dan berdaya saing mendepani cabaran semasa. Dalam pada itu, penelitian terhadap produk deposit berteraskan kontrak *al-Qard* ini merumuskan tiga elemen utama yang perlu diberikan perhatian, iaitu hibah pendeposit, caj pengurusan serta unsur *gharar*. Kawalan risiko Syariah yang dilaksanakan oleh setiap institusi perbankan Islam mampu menjamin kepatuhan terhadap polisi Qard Bank Negara Malaysia di samping prinsip Syariah itu sendiri. Tuntasnya, tadbir urus yang baik di samping kawalan risiko Syariah yang berkesan mampu mengekalkan kredibiliti institusi perbankan Islam di Malaysia dalam menawarkan perkhidmatan patuh Syariah, sebagai pilihan utama kepada umat Islam serta alternatif terbaik kepada masyarakat bukan Islam.

RUJUKAN

- 'Abd Karim Zaidan. (1990). *al-Madkhal li al-Dirasat al-Syariah al-Islamiyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- AAOIFI. (1986). *Shari'ah Standards*. Bahrain: The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions.
- Abdulmajeed M.R. Aderemi and Muhammad Shahrul Ifwat Ishak. (2020). Adopting Qard al-Hasan and Mudarabah Crowdfunding For Micro Enterprise. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research* Vol. 3, No. 2: 26-38.
- al-Ansari, Zakaria. (1994). *Asna al-Matalib Syarh Raud al-Talib*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Jaziri, 'Abd al-Rahman. (t.t.). *Al-Fiqh 'Ala Madhahib al-'Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Alamiyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1998). *Fawa'id al-Bunuk Hiya al-Riba al-Muharram*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Qazwini, Muhammad bin Yazid. (t.t.). *Sunan Ibn Majah*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Qusyairi, Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim. (t.t.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jail.
- al-Sijistani, Sulaiman bin al-Asy'ath. (t.t.). *Sunan Abi Daud*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- al-Suwailem, Sami. (1999). Towards an Objective Measure of Gharar in Exchange. *Islamic Economic Studies*, 7(1): 69-78.
- al-Syarbini, Khatib. (1958). *Mughni al-Muhtaj li Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2004). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Kaherah: Dar al-Fikr
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Polisi Qard*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bennard, H. R. (2011). *Research Methods in Anthropology: Qualitative and Quantitative Approaches*. Plymouth. UK: Aita Mira Press.

- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. London: Sage Publication.
- Hasan Kazak and Hasan Basri Alim. (2022). Qard al-Hassan Model as an Institutionalised Method of Islamic Finance. *Islamiyyat* Vol. 44, No. 1: 203-220.
- IIFA. (1998). *Qararat wa Tausiyat Majma' al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Khairul Azhar Meerangani. (2011). Aplikasi al-Qard al-Hasan Dalam Kad Caj: Kajian di al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad. (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Laman sesawang Agro Bank. Diakses pada 24 Julai 2023 <https://www.agrobank.com.my/>
- Laman sesawang Bank Islam Malaysia Berhad. Diakses pada 24 Julai 2023. <https://www.bankislam.com/>
- Laman sesawang Bank Simpanan Nasional. Diakses pada 24 Julai 2023. <https://www.mybsn.com.my/mybsn/login/login.do>
- Laman sesawang CO-OP Bank. Diakses pada 24 Julai 2023. <https://www.cbp.com.my/>
- Laman sesawang Public Islamic Bank Berhad. Diakses pada 24 Julai 2023. <https://www.publicislamicbank.com.my/Personal-Banking/Personal-Banking>
- Mohammad Omar Farooq and Nedal El Ghattis. (2015). Qard Hasan, Credit Cards and Islamic Financial Product Structuring: Some Qur'anic and Practical Considerations. *Journal of Islamic Financial Studies* Vol. 1, No.1: 1-21.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Quraish Shihab. (1999). *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- Rudi Dogar Harahap, Zainal Arifin and Andri Soemitra. (2023). Qard al-Hasan Revitalization As A Financing Alternative For Micro, Small, and Medium Enterprises: An Analytic Network Process Approach. *International Journal of Professional Business Review* Vol. 8, No. 8: 1-24.
- Saidatolakma Mohd Yunus, Zuraidah Kamaruddin and Rahimah Embong. (2017). Towards Banking Jurisprudence: Understanding Islamic Banking Products in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* Vol. 7, No. 8: 215-228.
- Shafi'i Abdul Azeez Bello and Rusni Hassan. (2014). Saving and Current Account in The Context of Shari'ah Contract. *Arabian Journal of Business and Management Review* Vol. 1, No. 12: 8-17.
- Zamir Iqbal and Bushra Shafiq. (2015). Islamic Finance and The Role of Qard al-Hassan (Benevolent Loans) in Enhancing Inclusion: A Case Study of Akhuwat. *Journal of Finance and Risk Perspectives* Vol. 4, No. 4: 23-40.